

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 APRIL 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

KL20 sasar wujudkan syarikat pemula niaga bernilai RM400 bilion

KL20 sasar wujudkan syarikat pemula niaga bernilai RM400 bilion

Sasar cipta lebih 100,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin, Hazwan Faisal Mohamad dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhbiz@bh.com.my

Pelan Tindakan KL20 dijangka menjana penilaian tambahan syarikat pemula niaga mencecah RM400 bilion menjelang 2030, dengan sasaran pelaburan modal teroka (VC) tahunan mencecah RM750 juta.

Pelan tindakan yang dilancarkan bersempena Sidang Kemuncak KL20 2024 itu dijangka mewujudkan sehingga 3,000 syarikat pemula niaga aktif dan mencipta lebih 100,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang 2030.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pelan tindakan KL20 menggariskan inisiatif baharu yang akan mempercepatkan bidang kritikal ekosistem merangkumi modal, bakat dan kualiti syarikat pemula niaga.

Katanya, ia dilancarkan adalah untuk Malaysia menjadi de-



Rafizi pada sesi forum pada Sidang Kemuncak KL20 2024 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

stinas pilihan bagi pertumbuhan modal peringkat awal; menjadi negara sebagai pusat usahawan bertaraf dunia dan bakat berkemahiran serta menjadi hab bagi syarikat pemula terkemuka dunia yang ingin berkembang.

"Sidang Kemuncak KL20 2024 mewakili matlamat untuk membawa Malaysia sebagai negara dengan ekosistem syarikat pemula niaga 20 terbaik dunia," katanya ketika menyampaikan ucapan KL20, semalam.

Sidang Kemuncak KL20 dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rafizi berkata, Malaysia berka-rit rapat dari segi geografi dan budaya dengan pasaran terbesar di dunia seperti Asia Tenggara, Asia Timur, India dan Asia Barat.

Katanya, dengan penduduk

bakat dan persekitaran perniagaan yang lancar.

"Di bawah VC Golden Pass, kami mahu VC terkemuka dunia, dengan kecanggihan penyumberaan teroka dan capaian global, menjadikan Malaysia sebagai hab mereka.

"Kami menawarkan beberapa siri insentif, termasuk peluang akses pembiayaan, ruang pejabat bersubsidi, pendaftaran lesen dipercepatkan dan yuran yang dikesualikan untuk pas pekerjaan.

"Harapan kami ialah dengan lebih banyak VC canggih antarabangsa di Malaysia, syarikat baharu yang inovatif dalam negara akan mendapat akses kepada lebih banyak pembiayaan, rangkaian dan bimbingan yang akan membantu mereka merentasi jurang dan skala ke pasaran lain," katanya.

Di bawah Pas Inovasi, Rafizi berkata, Malaysia sedang berusaha untuk mengembangkan kumpulan bakat berkemahiran tinggi dalam negara.

"Kami memperkenalkan program pas pekerjaan berbilang peringkat yang memberikan manfaat yang disesuaikan kepada pen- gasas, pengurusan kanan, bakat berkemahiran tinggi dan bakat am dalam teknologi.

"Ini akan membolehkan pengembangan idea antara rakyat Malaysia dan bakat antarabangsa yang akan memberi kesan positif kepada ekosistem," katanya.

domestik yang pelbagai, digabungkan dengan kemudahan digital berkualiti tinggi dan kos yang berpatutan, ia menjadikan Malaysia destinasi ujian yang ideal untuk pelancaran dan perintis produk.

"Malaysia juga adalah pusat kepada industri terkemuka dunia, seperti semikonduktor, tenaga, pertanian dan kewangan Islam, yang mempunyai kepakaran domain dan peluang besar untuk inovasi," katanya.

Peluang lebih luas

Beliau menjelaskan, di bawah pelan tindakan berkenaan, Malaysia menawarkan peluang lebih luas kepada komuniti syarikat pemula niaga yang berkembang, akses pasaran khusus yang lebih besar, pendanaan yang tersedia di semua peringkat, akses kepada